

HUBUNGAN TAHAP PELAKSANAAN SOLAT FARDU DAN
KECERDASAN EMOSI DALAM KALANGAN PELAJAR
DI DAERAH JOHOR BAHRU

MASJUKI BIN MISBAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

HUBUNGAN TAHAP PELAKSANAAN SOLAT FARDU DAN
KECERDASAN EMOSI DALAM KALANGAN PELAJAR
DI DAERAH JOHOR BAHRU

MASJUKI BIN MISBAH

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI, 2017

DEDIKASI

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.
Segala pujian atas limpah dan kurnia Allah SWT .tuhan sekalian alam.
Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW
Berkat perjuangan Baginda saya mendapat taufik dan hidayah.

Buat ayahanda dan bondaku,

Misbah Bin Hj. Abd.Wahab dan Masnah Binti Hj. Siraj

Walaupun dalam kesakitan, kalian tetap mendoakan dan memberi restu
Setiap perjuangan anak mu ini.

Isteri tercinta Pn. Jamilah Binti Dawan

Terima kasih atas segalanya kerana sentiasa berada di sisi
Pengorbananmu dan kesabaranmu di sanjung tinggi

Abang-abang, kakak-kakak, adik-adikku

Dan ipar-ipar duai ku

Sentiasalah doakan daku

Buat teman-teman seperjuangan

Terima kasih atas sokongan

Segala pertolongan, bantuan dan keikhlasan mu tidak
Termampu saya balas. Hanya Allah sahaja yang mampu mengurniakan ganjaran atas
Pertolonganmu. Dialah Yang Maha Kuasa atas segala-galanya.

Semoga Allah permudahkan setiap urusan kita semua

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana memberikan saya taufik dan hidayah yang berterusan dalam iman dan Islam serta iltizam yang berpanjangan dalam menyusuri kajian dan penyelidikan sarjana ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW berserta ahli keluarga dan sahabatnya.

Lautan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini secara langsung atau tidak langsung khususnya buat penyelia utama **Dr. Kamarul Azmi Bin Jasmi** yang sentiasa memberikan inspirasi, motivasi, bantuan, cadangan, komen, dan pandangan dalam menjayakan kajian ini. Begitu juga buat pensyarah kanan **Prof. Madya Dr. Ajmain @ Jimaain Safar** yang turut memberikan panduan dan bimbingan dalam bidang kajian kuantitatif ini selain daripada para pensyarah dan rakan seperjuangan di Fakulti Tamadun Islam, UTM.

Selain itu, jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak KPM yang memberikan tajaan yuran pengajian separuh masa. Pihak KPM, JPN Negeri Johor, dan PPD Johor Bahru yang membuka seluas-luasnya padang kajian pengkaji di sekolah-sekolah yang terlibat. Para pegawai di Pejabat Agama Daerah Johor Bahru dan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menyalurkan maklumat tentang kajian ini. Selain itu, para responden kajian, iaitu pengetua atau penolong kanan, guru, semua pelajar Tingkatan 1 KAA di daerah Johor Bahru. Tidak lupa, sesiapa sahaja yang memberikan input dan membantu pengkaji dalam menjayakan kajian ini yang tidak dapat semuanya pengkaji sebutkan dalam ruangan yang sempit ini.

Akhir sekali, buat insan yang sentiasa bersama ketika senang dan susah yang menjadi kekuatan dan inspirasi pengkaji, isteri tercinta Jamilah Dawan, bonda tercinta Masnah Hj. Siraj, dan bonda mertua tercinta, Hj. Mariam Hj. Ali, dan ayahanda Misbah Hj. Wahab. serta satu-satunya anakanda, Norhidayah. Selain itu, buat adik beradikku, kakak Ramlah, adik Noraizi, adik Sahrizan dan adik Aziana dan keluarga. Buat ipar duaiku, kakak Norazemah, kakak Norizan, Abang Samsudin, Kakak Suraya, serta adik Mohd. Fauzi dan keluarga. Buat Ayahandaku Abdullah, Ayahanda Mertua Hj. Dawan, Nendaku Misiam, dan Pak Cik Sahir yang telah kembali ke rahmatullah, moga kalian dicucuri rahmat dan kasih sayang Allah SWT. Akhirnya, ribuan penghargaan untuk sahabat-sahabat seperjuangan khususnya Ustaz Suhaimi Abd. Rahman dan isteri beliau yang telah membantu dan memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses penghasilan tesis kajian ini. Semoga kita semua sentiasa berbahagia dunia dan akhirat. *Amin Ya Rab al-'Allamin.*

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji penghayatan solat fardu yang dikaitkan keseimbangannya dengan kecerdasan emosi pelajar. Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti perkaitan tahap pelaksanaan solat fardu dengan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru. Seramai 174 orang pelajar tingkatan 1 KAA dari tujuh buah sekolah menengah harian kelas aliran agama dipilih sebagai responden kajian ini dengan menggunakan persempelan bertujuan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam pengumpulan data dengan instrumen soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data. Data dikumpulkan dianalisis menggunakan SPSS version 20.0. Bagi mendapatkan statistik deskriptif iaitu peratusan, min, dan sisihan piawai digunakan untuk analisis taburan. Nilai pekali *Alpa Cronbach* ialah 0.8 bagi soal selidik tahap kekerapan solat dan 0.7 bagi soal selidik tahap kecerdasan emosi. Hasil kajian mendapati tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan responden berada pada tahap sederhana dengan nilai min adalah 3.66. Kajian tahap kecerdasan emosi yang dibahagikan empat konstruk, iaitu tahap penilaian emosi sendiri atau orang lain adalah tinggi dengan nilai min adalah 3.74, tahap ekspresi emosi adalah tinggi dengan nilai min bagi responden adalah 4.02, tahap pengaturan emosi sendiri dan orang lain adalah tinggi dengan nilai min bagi pelajar adalah 3.89, seterusnya tahap penggunaan emosi dalam penyelesaian masalah juga adalah tinggi dengan nilai min ialah 3.94. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pelaksanaan solat dengan jantina, zon, tahap sosio ekonomi, turutan adik beradik, dan ayat-ayat al-Quran yang lazim dibaca dalam solat. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan jantina, zon, tahap sosio ekonomi, turutan adik beradik dan tahap penguasaan pembacaan al-Quran kecuali konstruk penilaian emosi sendiri atau orang lain dengan jantina. Sebagai rumusan, hasil kajian jelas menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara tahap pelaksanaan solat fardu dengan kecerdasan emosi walaupun pada tahap kadar yang lemah.

ABSTRACT

This research was conducted to study the implementation of the obligatory prayers which associated with the stability of students' emotional intelligence. The purpose of this study is to identify the relationship of performing obligatory prayers with emotional intelligence among form 1 KAA students in secondary schools in district of Johor Bahru. A total of 174 form 1 KAA students from seven different secondary schools in religious stream classes were chosen to be the respondents of this research by using a purposive sampling. This research was conducted by using quantitative methodology which utilized questionnaires as data collection methods. Then, the data were collected and analyzed using SPSS version 20.0. The descriptive statistics analyzed percentages, mean, and standard deviation were used to analyze the distribution. The Alpha Cronbach coefficient for the prayers' frequencies questionnaires is 0.8 degree; meanwhile the level of emotional intelligence is 0.7. The study found that the level of implementation obligatory prayers among respondents is moderate with a mean of 3.66. The study of the level of emotional intelligence which is divided into four constructs which are (1) the assessment of the level of emotional self or others is high with a mean of 3.74, (2) the level of expression of emotion is high with the mean value of 4.02, (3) the level of emotional self-regulation and the other was high with a mean for the students is 3.89 and (4) the level of emotions in problem solving is also high with the mean is 3.94. The results show that there was no significant difference between the level of implementation between the genders, locations, socio-economic levels, the sequence of siblings and the verses of al-Quran recited in the prayer. In addition, the study shows that there was no significant difference between emotional intelligence and gender, zone, socio-economic level, the sequence of siblings and the level of recitation of al-Quran except with the construct of emotional self-assessment or other person with gender. The results show that there was a significant relationship between the levels of implementation of the obligatory prayers with emotional intelligence which was at minimal rate.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xviii
	SENARAI SINGKATAN	xxi
	SENARAI TRANSLITERASI	xx
1	Pengenalan	1
	1.1 PENDAHULUAN	1
	1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	4
	1.3 PERNYATAAN MASALAH	12
	1.4 OBJEKTIF KAJIAN	13
	1.5 PERSOALAN KAJIAN	14
	1.6 HIPOTESIS KAJIAN	15
	1.7 BATASAN KAJIAN	17
	1.8 KEPENTINGAN KAJIAN	17
	1.8.1 Kementerian Pendidikan Malaysia	18
	1.8.2 Jabatan Pendidikan Negeri	18
	1.8.3 Pejabat Pendidikan Daerah	19

1.8.4	Sekolah	19
1.8.5	Guru	19
1.8.6	Pelajar	20
1.9	KERANGKA TEORI KAJIAN	20
1.10	KERANGKA KONSEP KAJIAN	22
1.11	DEFINISI OPERASIONAL	24
11.1.1	Hubungan	24
1.11.2	Tahap	24
1.11.3	Pelaksanaan Solat Fardu	25
1.11.4	Kecerdasan Emosi	25
1.11.5	Pelajar	26
1.12	PENUTUP	26
2	SOROTAN KAJIAN	27
2.0	PENDAHULUAN	27
2.1	SOLAT	29
2.1.1	Definisi Solat	29
2.1.2	Kewajiban Solat Fardu	32
2.1.3	Kesan Solat dan Emosi	36
2.2	KECERDASAN EMOSI	37
2.2.1	Definisi Kecerdasan Emosi	38
2.2.2	Hubungan Kecerdasan Emosi Dan Solat	39
2.2.3	Teori Dan Pengukuran Kecerdasan Emosi	40
2.2.4	Teori Kecerdasan Pelbagai	41
2.2.5	Teori Kecerdasan Kejayaan	42
2.2.6	Sistem Pembelajaran Emosi <i>(The Emotional Learning System)</i>	43
2.2.7	Model Kecerdasan Emosi Bar-On	43
2.2.8	Model Kecerdasan Emosi Mayer dan Salovey	44
2.3	KAJIAN LEPAS	46
2.3.1	Kajian Tempatan	47

2.3.2	Kajian Luar Negara	53
2.4	PENUTUP	57
3	METODOLOGI KAJIAN	58
3.1	PENDAHULUAN	58
3.2	REKA BENTUK KAJIAN	58
3.3	POPULASI, SAMPEL, DAN KAEDAH PERSAMPELAN	59
3.3.1	Populasi	60
3.3.2	Sampel dan Kaedah Persampelan	60
3.4	INSTRUMEN SOAL SELIDIK	61
3.4.1	Latar Belakang Demografi Pelajar (Bahagian A)	61
3.4.2	Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Pelajar (Bahagian B)	63
3.4.3	Skala Pengukuran Kecerdasan Emosi (Bahagian C)	63
3.4.4	Skala Jawapan Respon	64
3.5	KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN	66
3.5.1	Kesahan Kandungan dan Muka	66
3.5.2	Kajian Rintis	67
3.5.3	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen	68
3.6	PENGANALISAAN DATA	69
3.6.1	Analisis Data Deskriptif	70
3.6.2	Analisis Data Inferensi	71
3.6.2.1	Ujian Perbezaan	72
3.6.2.2	Analisis Kolerasi	73
3.7	PENUTUP	74
4	DAPATAN KAJIAN	75
4.1	PENDAHULUAN	75
4.2	PROFIL RESPONDEN	76
4.3	MENGENAL PASTI TAHAP	

	PELAKSANAAN SOLAT FARDU DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 1 KAA DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH JOHOR BAHRU	79
4.4	MENGENAL PASTI TAHAP KECERDASAN EMOSI DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 1 KAA DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH JOHOR BAHRU	81
4.5	MENGENAL PASTI PERBEZAAN YANG SIGNIFIKAN DI ANTARA TAHAP PELAKSANAAN SOLAT FARDU DENGAN JANTINA, LOKASI SEKOLAH, TAHAP SOSIO EKONOMI, TURUTAN ADIK-BERADIK, DAN AYAT-AYAT AL-QURAN YANG LAZIM DIBACA DALAM SOLAT DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 1 KAA DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH JOHOR BAHRU	87
4.6	MENGENAL PASTI PERBEZAAN YANG SIGNIFIKAN DI ANTARA TAHAP KECERDASAN, EMOSI DENGAN JANTINA, LOKASI SEKOLAH, TAHAP SOSIO EKONOMI, TURUTAN ADIK-BERADIK, DAN AYAT-AYAT AL-QURAN YANG LAZIM DIBACA DALAM SOLAT DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 1 KAA DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH JOHOR BAHRU	90
4.7	MENGENAL PASTI HUBUNGAN TAHAP SOLAT FARDU DENGAN TAHAP KECERDASAN EMOSI DALAM	

	KALANGAN PELAJAR TINGKATAN 1 KAA DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH JOHOR BAHRU	104
4.8	PENUTUP	107
5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	108
5.1	PENDAHULUAN	108
5.2	PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN	109
5.2.1	Mengenal Pasti Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru	109
5.2.2	Mengenal Pasti Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru	110
5.2.3	Mengenal Pasti Perbezaan Yang Signifikan Di antara Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Jantina, Lokasi Sekolah, Tahap Sosio Ekonomi, Turutan Adik-beradik dan Ayat-Ayat al-Quran Yang Lazim Dibaca Dalam Solat Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru	114
5.2.4	Mengenal Pasti Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi Dengan Jantina, Lokasi Sekolah, Tahap Sosio Ekonomi, Turutan Adik-beradik, dan Ayat-ayat al-Quran Yang Lazim Dibaca Dalam Solat Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA di Sekolah Menengah	

Daerah Johor Bahru	116
5.2.5 Mengenal Pasti Perkaitan Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru	119
5.3 RUMUSAN KAJIAN	121
5.4 IMPLIKASI KAJIAN	123
5.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	124
5.6 PENUTUP	125
RUJUKAN	126
LAMPIRAN	134-158

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Item Skala Pengukuran Emosi	63
3.2	Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Rintis	68
3.3	Kaedah Analisis Berdasarkan Objektif	69
3.4	Interprestasi Skor Min Dimensi Tingkah Laku Afektif	70
3.5	Interpretasi Nilai Korelasi (r_s)	72
3.6	Kaedah Analisis Kajian Deskriptif Dan Inferensi	72
4.1	Pecahan Responden Mengikut Jantina	75
4.2	Pecahan Responden Mengikut Pendapatan Ibu Bapa Sebulan	76
4.3	Pecahan Responden Mengikut Turutan Adik Beradik	76
4.4	Pecahan Responden Mengikut Penguasaan Pembacaan al-Quran	77
4.5	Pecahan Responden Mengikut Zon	77
4.6	Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru	78
4.7	Tahap Pelaksanaan Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru	80

4.8	Tahap Kecerdasan Emosi (Ekspresi Emosi) Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA	81
4.9	Tahap Kecerdasan Emosi (Pengaturan Emosi Kendiri Dan Orang Lain) Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru	83
4.10	Tahap Kecerdasan Emosi (Penggunaan Emosi Dalam Penyelesaian Masalah) Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru	84
4.11	Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Jantina Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru.	86
4.12	Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Zon Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru.	87
4.13	Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Tahap Sosio Ekonomi Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru.	87
4.14	Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Tahap Penguasaan Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru.	88

- 4.15 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Urutan Adik Beradik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru. 89
- 4.16 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Penilaian Emosi Kendiri Atau Orang Lain) Dengan Jantina Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 90
- 4.17 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Ekspresi Emosi) Dengan Jantina Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru. 90
- 4.18 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Pengaturan Emosi Kendiri Dan Orang Lain) Dengan Jantina Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 91
- 4.19 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Penggunaan Emosi Dalam Penyelesaian Masalah) Dengan Jantina Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru. 92
- 4.20 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Penilaian Emosi Kendiri Atau Orang Lain) Dengan Zon Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru. 92

- 4.21 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Ekspresi Emosi) Dengan Zon Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru. 93
- 4.22 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Pengaturan Emosi Kendiri Dan Orang Lain) Dengan Zon Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 94
- 4.23 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Penggunaan Emosi Dalam Penyelesaian Masalah) Dengan Zon Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 94
- 4.24 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Penilaian Emosi Kendiri Atau Orang Lain) Dengan Tahap Sosio Ekonomi Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 95
- 4.25 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Ekspresi Emosi) Dengan Tahap Sosio Ekonomi Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 96
- 4.26 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Pengaturan Emosi Kendiri Dan Orang Lain) Dengan Tahap Sosio Ekonomi Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru. 96

- 4.27 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Penggunaan Emosi Dalam Penyelesaian Masalah) Dengan Tahap Sosio Ekonomi Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 97
- 4.28 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Penilaian Emosi Kendiri Atau Orang Lain) Dengan Tahap Penguasaan Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 98
- 4.29 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Ekspresi Emosi) Dengan Tahap Penguasaan Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 98
- 4.30 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Pengaturan Emosi Kendiri Dan Orang Lain) Dengan Tahap Penguasaan Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 99
- 4.31 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Penggunaan Emosi Dalam Penyelesaian Masalah) Dengan Tahap Penguasaan Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru. 100
- 4.32: Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Penilaian Emosi Kendiri Atau Orang Lain) Dengan Urutan Adik-Beradik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 101

- 4.33: Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Ekspresi Emosi) Dengan Urutan Adik Beradik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 101
- 4.34: Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Pengaturan Emosi Kendiri Dan Orang Lain) Dengan Urutan Adik Beradik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 102
- 4.35 Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kecerdasan Emosi (Penggunaan Emosi Dalam Penyelesaian Masalah) Dengan Urutan Adik Beradik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 103
- 4.36 Mengenal Pasti Hubungan Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Tahap Kecerdasan Emosi (Penilaian Emosi Kendiri Atau Orang Lain) Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru. 104
- 4.37 Mengenal Pasti Hubungan Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Tahap Kecerdasan Emosi (Ekspresi Emosi) Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 104
- 4.38 Mengenal Pasti Hubungan Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Tahap Kecerdasan Emosi (Pengaturan Emosi Kendiri Dan Orang Lain) Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru 105

4.39	Mengenal Pasti Hubungan Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Tahap Kecerasan Emosi (Penggunaan Emosi Dalam Penyelesaian Masalah) Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 1 KAA Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru.	105
5.1	Perbandingan Kajian Penulis Dengan Kajian Unit Dakwah, Sektor Pendidikan Islam, JPNJ (2009)	120

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	20
1.2	Kerangka Konsep Kajian	23
2.1	Hubungan antara Kemampuan Mental dan Kecerdasan Emosi	48

SENARAI SINGKATAN

%	-	Peratus
&	-	Dan
/	-	Atau
BPI	-	Bahagian Pendidikan Islam
EQ	-	<i>Emotion Quotion</i>
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPI	-	Falsafah Pendidikan Islam
IQ	-	<i>Intellectual Quation</i>
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
J-QAF	-	Jawi, al-Quran, Bahasa Arab, dan Fardu Ain
KAA	-	Kelas Aliran Agama
KAB	-	Kelas Aliran Biasa
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
LDP	-	Latar belakang Demografi Pelajar
MAIJ	-	Majlis Agama Islam Johor
MAKDIS	-	Majlis Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah
MRSM	-	Maktab Rendah Sains MARA
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PQ	-	<i>Physical Quation</i>
SQ	-	<i>Spiritual Quation</i>
SPI	-	Sektor Pendidikan Islam

SENARAI TRANSLITERASI

Ejaan kalimah Arab berdasarkan kepada sistem transliterasi berikut:

Huruf Arab	Transliterasi	Huruf Arab	Transliterasi
أ	a/'a	ض	ḍ
ب	b	ط	ṭ
ت	t	ظ	ẓ
ث	th	ع	‘
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w/u
ش	sh	هـ	h
ص	ṣ	ي	y

Manakala bagi huruf panjang dalam ejaan Arab pula dengan penggunaan transliterasi berikut:

Huruf Arab	Transliterasi
ا	ā
و	ī
ي	ū

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Sistem pendidikan di Malaysia banyak menekankan aspek pembangunan modal insan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual, dan sahsiah diri (Hee, 2014). Sebagai mendokong cita-cita murni ini, kerajaan Malaysia menetapkan hasrat tersebut secara tersurat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM,1988) mengungkapkan ; *"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara."*

Usaha melahirkan seseorang individu yang mempunyai berkeunggulan rohani dan emosi yang cemerlang ini diterjemahkan melalui Falsafah Pendidikan Islam (KPM,1988) juga menyatakan, *"Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampai ilmu, kemahiran, dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran*

dan al-Sunah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian, dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar, dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.”

Bagi aspek aspirasi murid seperti yang disebutkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, jika dikaitkan dengan apa yang dinyatakan dalam kedua-dua falsafah di atas dan perkembangan emosi pelajar sekolah tidak lari dengan maksud kecerdasan emosi ialah pelajar mampu untuk memahami seterusnya dapat bekerja dengan berkesan dengan rakan sebaya dan guru serta mampu mempengaruhi mereka secara positif yang merupakan salah satu kemahiran memimpin seseorang pelajar (PPPM, 2013).

Seseorang pelajar yang mempunyai keseimbangan jasmani, emosi, rohani, intelektual, dan sahsiah adalah pelajar yang taat pada agamanya khususnya menunaikan perkara-perkara yang wajib seperti solat. Solat dari segi bahasa bermaksud berdoa untuk kebaikan. Para fuqaha sepakat berpendapat solat dari sudut istilah ialah perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbiratul ihram dan diakhiri salam dengan syarat yang tertentu. Secara keseluruhannya, menurut Z. A. Rahman (2012), doa merupakan sebahagian besar perkara yang terdapat dalam solat dan semua perkataan dan perbuatannya menggambarkan perkara yang menyeluruh. Syaukani (2004) menyatakan bahawa amalan solat berbentuk rutin yang bersifat wajib hukumnya seperti solat fardu lima waktu dalam perkaitan dengan pembentukan emosi pelajar itu sendiri boleh memberikan kekuatan dalaman untuk mengawal diri daripada terjebak kepada perbuatan keji dan mungkar.

Menurut Z. A. Rahman (2012), perkataan solat dari segi bahasa lahir dari bahasa Arab, iaitu ‘*solah*’ yang bermaksud ‘doa’. Berdoa menunjukkan bahawa umat Islam perlu kembali kepada Allah SWT untuk membuat hajat atau permintaan. Hal ini demikian disokong oleh firman Allah SWT:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۗ
فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

Maksud: “Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah), bahawasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan doa apabila ia memohon kepada-Ku. Maka hendaklah mereka itu memenuhi (perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku, agar mereka berada dalam kebenaran.”

(Surah *al-Baqarah*, 2:186)

Ibadat solat ini diungkapkan sebagai satu bentuk komunikasi antara manusia dengan Allah SWT, melahirkan rasa terima kasih dan meminta pertolongan atau memohon hajat kepada Maha Pencipta. Menurut Z. A. Rahman (2012) definisi solat mengikut tafsiran bahasa Arab; taubat, rahmat Allah SWT, dan satu bentuk ibadah. Perlakuan ibadat solat fardu yang bersifat wajib ini dapat membentuk emosi pelajar tidak cukup dengan hanya mewajibkan dalam bentuk penguasaan semata-mata, tetapi perlu diterapkan dari segi pemahaman dan penghayatan setiap individu pelajar. Kajian Mohd Sabri Mamat (2009) menyatakan bahawa melalui kekuatan rohani dalaman ini juga dapat mengawal diri mereka daripada perbuatan yang negatif dan kemungkaran.

Menurut A. Ahmad (2006), aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang dilaksanakan di sekolah lebih menitik-beratkan kepada pembentukan empat elemen tersebut iaitu, Kecerdasan fizikal (PQ), Kecerdasan Intelektual (IQ), Kecerdasan Emosi (EQ), dan Kecerdasan Rohani (SQ). Elemen kecerdasan intelektual dikenal pasti mendahului kepentingannya, kemudian diikuti dengan kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani. Hal ini, disokong oleh Goleman (1995) dalam Hee (2014), dengan menyatakan bahawa individu yang memiliki tahap kecerdasan intelektual yang tinggi dianggap oleh masyarakat sebagai golongan yang berstatus tinggi. Oleh itu, penekanan sistem pendidikan pada masa kini hanya memenuhi keperluan intelektual semata-mata.

Pengaruh kecerdasan emosi ditinjau dari perspektif Islam dipengaruhi bagaimana seseorang itu mampu mengawal hatinya untuk mengenal dirinya sendiri, mengenal Allah, mengenal akhirat, dan mengenal alam semesta, justeru dia akan dapat memperoleh tahap kecerdasan emosi yang tinggi (al-Ghazali, 1994). Tahap kecerdasan yang tinggi akan mendorong seseorang itu melakukan sesuatu pekerjaan seperti ibadat dan aktiviti rutin harian sehingga mencapai kejayaan.

Untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan sosial ini bukan hanya ditentukan oleh kecerdasan intelektual sahaja tetapi perlu seiring dengan kecerdasan emosi (Hee, 2014). Perkembangan perkaitan sosial ini mempunyai kaitan rapat dengan komponen emosi. Melalui kajian yang dijalankan oleh pakar psikologi, menyimpulkan bahawa perlu ada penyatuan antara empat utama, iaitu intelektual, fizikal, emosi, dan rohani yang saling berkaitan untuk membentuk individu pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek (Muhammادتaheri, 2011). Tinjauan mendapati hanya 20% terdiri adalah komponen kecerdasan intelektual manakala 80% pula terdiri daripada komponen kecerdasan emosi. itu dalam pembentukan individu pelajar yang cemerlang. (Goleman, 1995) dalam (Hee, 2014). Florence (2007) menyatakan dalam kajiannya bahawa pengurusan kecerdasan emosi yang terkawal dan baik membuktikan individu pelajar itu berjaya dalam kehidupannya. Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha memasukkan elemen kecerdasan emosi sebagai sebahagian daripada modul pembelajaran di sekolah dari sudut bimbingan dan kaunseling. Justeru itu, penglibatan para sarjana dan ilmuan untuk membuat kajian ilmiah yang berkaitan dengan kecerdasan emosi amat digalakkan dalam usaha membantu pihak kementerian merangka modul pembelajaran yang berkesan dan menerapkannya semasa proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah. (Ishak, 2004).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bagi melaksanakan usaha melahirkan ramai pelajar yang mampu merealisasikan visi negara menjadi sebuah negara maju adalah satu usaha yang berterusan dilakukan kerajaan. Salah satu aspek yang menjadi keutamaan kerajaan adalah melalui aspek pembangunan kerohanian yang tidak boleh dipandang enteng oleh semua pihak. Justeru, melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, kerajaan menekankan aspek aspirasi murid yang dikhususkan kepada beberapa aspek (Hee, 2014). Salah satu aspek yang diberi perhatian adalah etika dan kerohanian.

Berdasarkan aspek dan hasrat yang ditekankan, sistem pendidikan yang digariskan mampu membawa para pelajar untuk menempuhi dan menyelesaikan konflik yang dihadapi. Oleh itu, aspek etika dan kerohanian adalah dua unsur penting yang perlu diterjemahkan dan difahami oleh semua pelajar. Maka, kajian dan pemahaman mengenai unsur kecerdasan emosi serta penghayatan agama perlu diperjelaskan, khususnya amalan pelaksanaan solat. Penguasaan dan pengamalan solat ini mampu menjadi benteng dan penyelesaian utama kepada pelajar dalam menghadapi situasi yang kritikal dalam hidup mereka.

Selain itu, sistem persekolahan juga memainkan peranan penting dalam mencorakkan hala tuju dan pemikiran pelajar. Pada zaman sekarang, permintaan terhadap pendidikan agama semakin meningkat khususnya dalam kalangan ibu bapa yang ingin melihat anak mereka cemerlang dalam akademik bahkan cemerlang dalam sahsiah. Menurut H. Ismail (2010), ramai ibu bapa sanggup berkorban wang ringgit dan harta demi anak mereka berjaya sehingga dapat menyumbang kepada keluarga, agama, dan negara.

Di pihak kerajaan, inisiatif yang dilakukan dalam melahirkan rakyat yang berilmu dan tinggi modal insannya sentiasa berterusan. Langkah kerajaan mewujudkan sekolah aliran agama merupakan suatu usaha yang sungguh baik dan perlu disokong. Tindakan ini dilakukan pada bulan Februari 1990 lagi, apabila Pengarah Pendidikan Malaysia ketika itu meminta Pengarah Pendidikan Negeri menubuhkan program Aliran Agama di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di negeri masing-masing. Berdasarkan Mesyuarat Penyelarasan Hal Profesional (PHP) ke 29 pada bulan Januari 1991 kertas Kelas Aliran Agama (KAA) dibincangkan. Penubuhan ini bersandarkan kepada kehendak permintaan masyarakat terutamanya pihak ibu bapa yang ingin menghantar anak mereka ke sekolah aliran agama. Langkah seterusnya pada tahun 1992, KAA diadakan di 130 buah sekolah, iaitu 11 di Johor, enam di Pahang, 13 di Kelantan, 26 di Terengganu, 10 di Sabah, 11 di Kedah, empat di Pulau Pinang, sembilan di Perak, 23 di Selangor, lima di Wilayah Persekutuan, enam di Melaka dan enam di Negeri Sembilan. Sehingga kini KAA meningkat sebanyak 529 buah sekolah, 2262 kelas dengan jumlah muridnya seramai 62, 458 orang (BPI, 1991).

Pemilihan para pelajar tingkatan satu KAA dibuat berdasarkan penetapan syarat yang dikenakan seperti mana syarat kemasukan pelajar tingkatan satu ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (BPI, 1991). Syarat tersebut adalah (1) Lulus UPSR, sama ada 5A atau 4A 1B atau 4A 1C atau 3A 2B, (2) Menduduki ujian setara Akhir Tahun Pendidikan Islam dan sekurang-kurangnya pangkat “B” dalam Agama Islam, (3) Terlibat dalam aktiviti kokurikulum, dan (4) ditawarkan oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Kemasukan pelajar ke kelas aliran agama dinilai berasaskan kecemerlangan prestasi para pelajar sama ada dalam bidang kurikulum dan kokurikulum semasa di darjah enam. Oleh itu, para pelajar ini merupakan pelajar pilihan dan besarlah harapan kerajaan bahawa para pelajar ini akan menjadi aset penting kepada kemajuan negara pada masa hadapan.

Ibadah pelaksanaan solat merupakan satu ketetapan yang diwajibkan oleh Allah SWT yang sememangnya umum diketahui oleh semua lapisan masyarakat. Dagang (2009), menyokong kenyataan ini dengan menukulkan beberapa laporan bahawa masalah pengetahuan solat adalah bukan suatu masalah bagi para pelajar. Kajian lain yang menyokong masalah ini ialah minat murid terhadap program j-QAF melalui Program Kem Bestari Solat di sekolah rendah kebangsaan menunjukkan bahawa pandangan guru j-QAF secara keseluruhan, majoriti (93.4%) daripada guru j-QAF berpendapat murid minat mengikuti Kem Bestari Solat. Menurut Mohd Sabri Mamat (2009), murid-murid bersungguh-sungguh ketika mengikuti program ini. Murid dikatakan bertanya perkara yang kurang jelas berkaitan cara menunaikan solat dengan sempurna (80.0%). Hal ini menunjukkan bahawa pelajar kini mempunyai minat untuk belajar tetapi mempunyai masalah dalam memahami dan mendapatkan pengetahuan berkenaan solat.

Pengabaian ibadah solat merupakan satu kesalahan yang seharusnya dipandang serius oleh semua pihak. Ibadah solat merupakan ibadah rukun dalam Islam yang membentengi kepada segala perbuatan keji dan mungkar. Hal inidinyatakan dalam firman Allah SWT, iaitu;

اتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Maksud : Bacalah serta ikutlah (Wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnyanya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

(Surah al-Ankabut, 29:45)

Ironinya, apabila benteng kepada jenayah sifat keji dan mungkar ini sudah terbuka, maka peluang kepada berlakunya sifat mazmumah ini terbuka luas. Amat malanglah kepada generasi muda yang menjadi harapan kepada agama, bangsa, dan negara sudah terjebak kepada anasir liar dan negatif. Seharusnya pelaksanaan ibadah solat yang diamalkan secara berterusan akan melahirkan satu tapak kukuh kepada para pelajar untuk membina landasan kejayaan dalam hidup mereka (Ishak, 2004).

Solat adalah merupakan ibu segala amalan yang menjadi teras utama kepada agama Islam. Tertegaknya Islam dalam kehidupan setiap individu muslim amat bergantung kepada sejauhmanakah pelaksanaan solat mereka seharian. Ishak (2004) berkata bahawa sebaliknya bagi mereka yang meninggalkan solat dengan sengaja tanpa sebarang keuzuran, maka mereka dianggap meruntuhkan agamanya sehingga layak dihukum bunuh oleh pemerintah sekiranya enggan bertaubat dari perbuatan meninggalkan solat apabila disuruh berbuat demikian (Z.A. Rahman, 2012).

Oleh yang demikian, masyarakat Islam perlu peka terhadap kewajipan solat fardu dengan mempelajarinya dari semasa ke semasa agar pelaksanaan ibadat tersebut menjadi lebih sempurna serta menepati ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Di samping itu, setiap muslim juga perlu sentiasa mendidik dan menasihati ahli keluarga, anggota masyarakat, dan rakan agar mereka sentiasa mengambil berat tentang kewajipan dan pelaksanaan solat fardu. Tidak lupa juga kepada para pendidik sama ada guru dan para pensyarah juga perlu menitikberatkan tentang pemahaman dan pelaksanaan solat fardu kepada seluruh pelajar agar mereka sentiasa menjaga dan mengutamakan solat dalam kehidupan mereka seharian. Solat merupakan kaedah yang terbaik dalam mempertingkatkan kecerdasan emosi dan memperkembangkan potensi diri (Z.A. Rahman, 2012).

Istilah kecerdasan emosi (EQ) ini telah diperkenalkan sebagai satu bentuk dimensi baharu untuk menilai sistem pendidikan pada masa kini (Mayer, 1997). Kajian tersebut dilakukan bertujuan untuk menguji perkaitan kecerdasan emosi dengan isu semasa yang berkaitan dengan perkaitan sesama manusia dari segi psikologi, sumber manusia, sosiologi, dan sebagainya. Kajian yang melibatkan pelajar tersebut adalah untuk memberi kefahaman kepada masyarakat dalam lapangan bagaimana permasalahan sosial itu dapat diselesaikan dengan lebih berkesan (Muhammادتaheri, 2011).

Berbicara emosi dan perasaan ini seperti tangisan, gelak ketawa, kesedihan, dan ketakutan telah mengubah pola kehidupan manusia dari segi sikap dan personaliti selain menentukan arah tuju dan matlamat manusia tersebut. Perkataan emosi ini diambil dari perkataan Greek "*emovere*" yang didefinisikan 'untuk keluar'. Perasaan emosi ini memenuhi kepuasan individu (Muhammادتaheri, 2011). Penyelesaian berbagai masalah dapat diatasi dengan menyesuaikan berdasarkan masa dan tempat berlakunya masalah tersebut. Faktor pengalaman sendiri individu boleh menyelesaikan masalah tersebut melalui proses interaksi dengan rakan sebaya di persekitarannya sebelum itu. Konflik yang berlaku terhadap individu yang bermasalah memerlukan keadaan dan situasi yang sesuai bagi memenuhi kehendak persekitarannya sama ada ianya dapat diselesaikan secara berkesan atau sebaliknya, biarpun perlu menghadapi banyak keadaan dan situasi yang baru. Masalah emosi juga perlu dilihat dari aspek kesannya ke atas individu, masyarakat, dan negara (Hee, 2014). Gangguan dan ketegangan emosi yang tinggi atau berterusan bukan hanya mempengaruhi tingkah laku tetapi juga sikap dan keadaan psikologikal, nilai, dan kebolehan mereka. Keadaan kritikal dalam diri seseorang pelajar boleh mempengaruhi keadaan emosi pelajar tersebut (Subramaniam, 2012). Kesan domain kognitif telah mempengaruhi perkembangan intelek pelajar dan perkembangan emosi menerusi persepsi, pembelajaran, dan ingatan (Florence, 2007). Teori Perkembangan Etika dan Kognitif menyatakan sistem nilai dan komitmen diri akan mempengaruhi emosi pelajar. Perkembangan kognitif memberi kesan terhadap tahap kemajuan dalam penyelesaian masalah dan pilihan moral (Hee, 2014).

Hal yang berkaitan masalah emosi ini perlu dihebahkan kepada masyarakat awam.(Muhammادتaheri, 2011). Klinik-klinik kaunseling perlu dibina di setiap

bandar, daerah, dan negeri yang bertujuan untuk memberi khidmat kaunseling kepada orang dewasa dan remaja yang mempunyai berbagai ragam masalah emosi. Selain itu juga, ia dapat mengesan masalah emosi pada peringkat awal agar tidak merebak dan tidak berlarutan. Hal ini menunjukkan sebahagian masalah yang dialami oleh individu itu berkaitan dengan masalah emosi. Kegagalan untuk mengawal masalah emosi ini akan mengakibatkan terjadinya gangguan emosi yang melampau yang boleh membawa kepada penyakit mental atau gila (Hee, 2014). Tingkah laku kenakalan atau *devian* bermaksud individu yang suka melanggar batasan yang menyalahi kebiasaan perlakuan masyarakat atau tingkah laku yang tidak sehaluan dengan kehendak masyarakat setempat. Tingkah laku kenakalan adalah tingkah laku yang tidak diterima sama sekali oleh masyarakat setempat tersebut (Subramaniam, 2012). Isu ini semua timbul disebabkan oleh pengurusan emosi yang tidak stabil (Muhammادتaheri, 2011).

Tingkah laku kenakalan itu adalah disebabkan kurangnya tahap penguasaan ilmu agama dalam kalangan pelajar khususnya penguasaan pelajar terhadap al-Quran. Walaupun tahap penguasaan pelajar tersebut hampir sama dalam disiplin ilmu tetapi tahap penguasaan al-Quran mereka adalah berbeza (H. Ismail, 2010). Percanggahan ini berlaku disebabkan oleh faktor yang mempengaruhi kebolehan pembelajaran seseorang. Berdasarkan pernyataan di atas, kecerdasan emosi pelajar perlu diberi penekanan dalam proses pembelajaran dan pengajaran mereka di sekolah. Selain dari itu, faktor kecerdasan akal dapat menentukan jaminan masa depan pelajar setelah mereka menghabiskan alam persekolahan untuk membolehkan layak ditempatkan di kolej dan institut pengajian tinggi atau memegang jawatan profesional. Kemahiran mengawal dan menggunakan kecerdasan emosi secara berkesan pula dapat menjamin kesejahteraan hidup individu dan sekaligus dapat mempengaruhi kebolehan pembelajaran dan tingkah laku seseorang (Muhammادتaheri, 2011).

Selama ini kejayaan dan kemewahan dianggap sebagai hanya milik individu yang mempunyai kecerdasan intelek sahaja. Individu yang memiliki kecerdasan intelek sering mendapat perhatian masyarakat dan menjadi ukuran bagi menentukan kejayaan dan kebahagiaan seseorang sama ada di tempat kerja, atau dalam kehidupan seharian. Namun begitu, pada abad ke 21 ini perubahan berlaku di mana kecerdasan

intelek bukanlah satunya kayu ukur yang dapat menggambarkan kejayaan seseorang secara keseluruhan. Menurut Goleman (1995), kajian lepas mendapati seseorang yang mempunyai kecerdasan intelek yang tinggi belum tentu mampu memecahkan permasalahan dalam dunia pekerjaan atau konflik dalam kehidupan yang kompleks ini. Konflik ini memerlukan kemahiran dalam kecerdasan yang lain yang dikenali sebagai kecerdasan emosi antaranya ialah keperluan memiliki kemampuan mentaakul (*reasoning capacities*) dan memberi perhatian kepada kreativiti, emosi, dan kemahiran interpersonal. Hal ini selaras dengan kenyataan Goleman yang menyatakan bahawa kecerdasan intelek semata-mata bukan lagi menjadi satunya pengukur kejayaan individu kerana kecerdasan emosi, kecerdasan sosial, dan tuah juga memainkan peranan yang penting dalam kejayaan seseorang (Muhammadtaheri, 2011).

Menurut al-Kindi (801-873), gangguan emosi yang dialami oleh seseorang itu kerana hubungannya dengan Allah SWT kurang baik. Potensi hati manusia mempunyai kemampuan secara teori dan praktikal untuk membentuk kecerdasan minda sehingga dapat mencapai idea yang tidak disedari melalui perasaan, imaginasi, dan anggar (Ibn Sina, 980-1037). Suatu entiti spiritual dapat mengawal fungsi fizikal dan organik manusia dan dapat menguasai deria bagi melaksanakan keperluan tubuh badan (al-Ghazali, t.th). Kompilasi pandangan sarjana Islam silam tersebut yang membicarakan tentang emosi, kecerdasan emosi, dan spiritual telah mendokong dan mengimbangi pandangan pakar-pakar psikologi Barat.

Di Malaysia, fenomena cetusan emosi yang tidak terkawal dalam kalangan remaja sekolah menunjukkan peningkatan dan membimbangkan semua pihak. Laporan akhbar menunjukkan bahawa cetusan emosi dalam kalangan remaja sekolah lebih cenderung ke arah yang negatif (Hee, 2014). Tindakan agresif seperti membuli, membunuh, melawan guru, dan penglibatan diri dengan jenayah juvana perlu diberi perhatian yang serius. Kejadian yang berlaku hari ini tidak boleh dianggap kes terencil tetapi perlu ditangani segera. Hal ini kebanyakannya berkaitan dengan penghayatan solat dan tahap kecerdasan emosi.

Amalan dan penghayatan solat yang sempurna amat dituntut dalam mengawal diri dalam mengharungi cabaran hidup semasa. Cabaran dan masalah sosial serta

ledakan era globalisasi menuntut penghayatan agama dalam memandu akal serta emosi diri. Merujuk kepada Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan, dapatan daripada kaji selidik yang telah dijalankan mendapati bahawa 14.4 peratus remaja berusia 16 tahun hingga 19 tahun mengalami masalah kesihatan mental berbanding dengan golongan dewasa yang mencatatkan 11.2 peratus kes. Kajian itu juga menunjukkan bahawa secara keseluruhan, 11 peratus golongan muda berusia 16 tahun hingga 24 tahun pernah terfikir untuk membunuh diri. Menurut Utusan (2012), statistik Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan juga menunjukkan peningkatan masalah kesihatan mental golongan remaja pada 2011 kerana pengaruh internet dan teknologi komunikasi dan kesibukan ibu bapa. Hal ini berpunca daripada kesan tidak penghayati solat dengan tepat. Masih terdapat pelajar yang tidak segan silu mengakui mereka sentiasa tidak lengkap dalam mendirikan solat lima waktu sehari semalam dengan meninggalkan mana-mana waktu solat setiap hari. Hal yang sedemikian terjadi kerana kurangnya ilmu pengetahuan berkaitan ibadah solat serta terhakisnya penghayatan untuk menunaikan kewajipan solat. Masalah ini dikenal pasti ketika pensyarah membuat penilaian dengan mengemukakan pertanyaan secara tidak langsung setiap kali masuk ke kelas sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Melalui kajian Ismail (2006), masalah ini juga dikenal pasti berdasarkan temu bual dengan beberapa orang pensyarah di Jabatan Pengajian Am. Fenomena yang sedemikian juga berlaku di sekolah menengah kebangsaan yang semakin lama semakin parah.

Masalah pengawalan emosi yang lemah juga sememangnya akan mengganggu tumpuan dalam pembelajaran. Hal ini dijelaskan oleh Hee (2014), bahawa sifat kerendahan diri dan malu menyebabkan mereka keciciran dalam persaingan yang kompetitif. Kesan masalah tersebut akan menyebabkan para pelajar ini sentiasa dibelenggu dalam dunia sendiri serta kurang menyerlahkan potensi dan menampilkan personaliti lebih unggul. Situasi ini juga tidak terkecuali berlaku kepada pelajar KAA walaupun mereka secara meritnya dipilih kemasukan dalam menyertai program ini.

Menurut al-Najaty (2008), ketenangan hati seseorang ini berkaitan rapat kepada hubungannya dengan Allah SWT dan kesempurnaan melaksanakan ibadat seharian khususnya solat fardu. Para sarjana Barat lebih memandang terhadap

kejayaan kehidupan dari segi material, keupayaan melaksanakan tanggungjawab, mengurus masalah kehidupan, dan mampu mengurus masalah kehidupan yang dianggap sebagai kecerdasan emosi. Keimanan yang utuh kepada Allah SWT yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah menjadi penyelamat manusia daripada sifat keluh kesah dan gelisah serta mendapat ketenangan hati (Ibn Taimiyah, t.th., Ibn Qayyim al-Jawzi). Justeru itu, hubungan kecerdasan emosi dengan aspek ketenangan jiwa akan mempengaruhi manusia untuk mempertingkatkan kualiti ibadah dan pekerjaan seharian.

Di barat terdapat banyak kajian dijalankan berkaitan dengan kecerdasan emosi namun di Malaysia sangat berkurangan pengkajian terhadapnya. Ishak (2004), menyatakan bahawa sorotan dari kajian yang dijalankan di Malaysia yang berkaitan kecerdasan emosi hanya menyentuh kepada kepada tahap penguasaan al-Quran dan pekerjaan. Namun secara spesifiknya masih tidak terdapat kajian yang jelas berkaitan perkaitan kecerdasan emosi dan penghayatan solat. Oleh yang demikian, disebabkan kurangnya kajian kecerdasan emosi dan kaitannya dengan penghayatan solat tersebut di Malaysia pastinya akan merencatkan proses mengenal pasti perkaitan perkaitan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan penghayatan solat.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Ramai pelajar Islam di sekolah menengah termasuk para pelajar KAA sering mengabaikan pelaksanaan solat fardu lima waktu disebabkan kurangnya ilmu pengetahuan dan pemahaman yang mendalam berkaitan ibadat solat sehingga terhakisnya nilai penghayatan kewajipan solat dalam diri mereka. Solat fardu yang dipraktikkan secara betul akan mempengaruhi kecerdasan emosi individu pelajar Ismail (2006). Masalah pengawalan emosi yang lemah akan mengganggu tumpuan dalam pembelajaran (Hee, 2014). Selain itu, berdasarkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang dikemukakan, kajian yang berkaitan dengan perkaitan kolerasi tahap kecerdasan emosi dan tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan

pelajar wajar dilaksanakan dan meninjau perbandingannya mengikut latar belakang demografi (jantina yang berbeza, lokasi sekolah, tahap sosio-ekonomi, turutan adik-beradik, dan ayat-ayat al-Quran yang lazim dibaca dalam solat. Kajian seperti ini pernah dilakukan oleh Unit Dakwah, Sektor Pendidikan Islam JPNJ (2009) dengan fokus kepada analisis deskriptif terhadap tahap pelaksanaan solat tanpa melibatkan ujian perbezaan dan ujian korelasi. Responden kajian tersebut melibatkan semua pelajar Islam Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di semua sekolah menengah di negeri Johor. Hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan tahap pengamalan solat fardu lima waktu dalam kalangan pelajar itu tidak memuaskan disebabkan kurangnya tahap pengetahuan dan penghayatan solat secara mendalam. Secara umumnya, skop kajian tentang perkaitan tahap pelaksanaan solat fardu dan tahap kecerdasan emosi ini memberi kefahaman yang lebih luas dan mendalam serta memperkukuhkan lagi kajian yang dilaksanakannya sebelum ini.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap pelaksanaan solat fardu dan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Menengah Rendah KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru.

Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru.
2. Mengenal pasti tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru.
3. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pelaksanaan solat dengan jantina, lokasi sekolah, tahap sosio ekonomi, turutan adik-beradik, dan bacaan ayat al-Quran yang dibaca dalam solat dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru.

4. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kecerdasan emosi dengan jantina, lokasi sekolah, tahap sosio ekonomi, turutan adik-beradik, dan bacaan ayat al-Quran yang dibaca dalam solat dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru.
5. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan signifikan antara tahap pelaksanaan solat fardu dengan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai tujuan dan objektif kajian di atas, beberapa persoalan kajian dibina, iaitu :

1. Apakah tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar Menengah Rendah KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru ?
2. Apakah tahap perbezaan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Menengah Rendah KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru ?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pelaksanaan solat antara jantina, lokasi sekolah, tahap sosio ekonomi, turutan adik-beradik dan bacaan ayat al-Quran yang dibaca dalam solat dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru ?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kecerdasan emosi antara jantina, lokasi sekolah, tahap sosio ekonomi, turutan adik-beradik dan bacaan ayat al-Quran yang dibaca dalam solat dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru ?

5. Adakah terdapat hubungan signifikan antara tahap pelaksanaan solat fardu dengan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru ?

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Untuk soalan kajian (SK) 1 dan 2, data yang diperolehi soalan ini dianalisis secara deskriptif menggunakan skor min dan sisihan piawai. Manakala untuk SK 3 hingga SK 5, data yang diperolehi bagi soalan ini dianalisis secara inferensi. Oleh itu hipotesis nol berikut dikaji:

Hipotesis Nol SK 3:

- H₀₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min bagi tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru bagi jantina yang berbeza.
- H₀₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min bagi tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru. bagi lokasi yang berbeza.
- H₀₃ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min bagi tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru bagi tahap sosio ekonomi yang berbeza.
- H₀₄ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min bagi tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru bagi turutan adik-beradik yang berbeza.
- H₀₅ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min bagi tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru bagi bacaan ayat al-Quran yang dibaca dalam solat yang berbeza.

Hipotesis Nol SK 4:

- H₀₆ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min tahap kecerdasan emosi berdasarkan latar belakang demografi dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru bagi jantina yang berbeza.
- H₀₇ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min tahap kecerdasan emosi berdasarkan latar belakang demografi dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru bagi lokasi sekolah yang berbeza.
- H₀₈ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min tahap kecerdasan emosi berdasarkan latar belakang demografi dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru bagi tahap sosio ekonomi yang berbeza.
- H₀₉ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min tahap kecerdasan emosi berdasarkan latar belakang demografi dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru bagi turutan adik-beradik yang berbeza.
- H₀₁₀ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor min tahap kecerdasan emosi berdasarkan latar belakang demografi dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru bagi penguasaan al-Quran yang berbeza.

Hipotesis Nol SK 5:

- H₀₁₁ Tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara tahap pelaksanaan solat fardu dan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA di sekolah menengah daerah Johor Bahru.

1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai alat utama pengumpulan data. Bagi memastikan hasil dan matlamat pengumpulan data tercapai, pengkaji membuat batasan terhadap responden dan fokus kajian. Batasan dari segi responden ialah dengan hanya memilih pelajar tingkatan satu dalam kalangan pelajar KAA seramai 320 orang di sekolah menengah daerah Johor Bahru yang berjumlah 7 buah sekolah, iaitu:

- (1) Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail, Johor Bahru.
- (2) Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda, Johor Bahru.
- (3) Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara, Johor Bahru.
- (4) Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Syed Nasir Ismail, Johor Bahru.
- (5) Sekolah Menengah Kebangsaan Damai Jaya, Johor Bahru.
- (6) Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti, Johor Bahru.
- (7) Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Nusajaya, Johor Bahru.

Manakala batasan dari segi fokus kajian pula ialah pengkaji hanya menfokuskan instrumen soal selidik tentang ibadat fardu terutamanya tahap pelaksanaan solat fardu lima waktu dan tahap kecerdasan emosi pelajar. Manakala batasan kajian yang terdapat kolerasi, iaitu tahap perbezaan antara tahap pelaksanaan solat fardu lima waktu dan perkaitan tahap kecerdasan emosi berdasarkan jantina, tahap sosio ekonomi, turutan adik-beradik, dan bacaan ayat al-Quran yang dibaca dalam solat.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan bagi melihat perkaitan antara pelaksanaan ibadat solat fardu lima waktu dengan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar

Tingkatan Satu Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah daerah Johor Bahru. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkenaan seperti berikut:

1.8.1 Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil kajian ini diharap dapat memberi maklum balas dan maklumat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia tentang kekuatan untuk membangunkan modal insan yang menjadi teras kedua dalam dasar Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Lanjutan itu disebutkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Pembangunan modal insan tersebut dilanjutkan dengan pihak kerajaan melaksanakan pembelajaran melalui Kem Bestari Solat di sekolah rendah namun di sekolah menengah belum direalisasikan. Diharapkan program tersebut dilanjutkannya ke sekolah menengah. Pemantapan kurikulum dan kokurikulum Pendidikan Islam diharapkan cenderung ke arah kecerdasan emosi pelajar khususnya dalam kalangan pelajar KAA di sekolah menengah harian.

1.8.2 Jabatan Pendidikan Negeri

Hasil kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri untuk menyusun program yang tertumpu pada pelaksanaan solat dan kecerdasan emosi pelajar. Selain itu, kewajarannya bagi JPN dapat menggerakkan unit dakwah dalam memantapkan pelaksanaan solat di kalangan pelajar. Melalui pemantauan pegawai dakwah di Sektor Pendidikan Islam, JPN juga agar program ini dapat berjalan dan dilaksanakan dengan lancar di sekolah menengah harian tersebut sesuai kaitan dengan pelaksanaan solat tersebut.

1.8.3 Pejabat Pendidikan Daerah

Di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah, dapatan kajian ini dapat digunakan untuk memastikan sekolah menengah di bawah PPD tersebut dapat melaksanakan program pemantapan solat dan kecerdasan emosi. Di samping itu juga pihak PPD dapat menyalurkan maklumat kepada sekolah menengah di bawah seliaan PPD tersebut mengenai tahap pelaksanaan solat dan tahap kecerdasan emosi. Selain itu, melalui cetusan idea baru tersebut dapat menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian.

1.8.4 Sekolah

Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membentuk rohani dan emosi yang seimbang dalam kalangan pelajar melalui pelbagai aktiviti Majlis Aktiviti Dakwah Islamiah Sekolah (MAKDIS) yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Kurikulum di sekolah yang berorientasikan kepada peperiksaan tersebut, dengan adanya program ini diharapkan tidak terlalu memumpukan kepada kecerdasan kognitif. Selain itu, program tersebut juga dapat membantu para pelajar yang sihat emosi dan spiritual dan bebas daripada masalah emosi yang cenderung kepada gejala sosial dalam kalangan pelajar.

1.8.5 Guru

Hasil dapatan kajian ini juga diharapkan memberi semangat kepada guru Pendidikan Islam khususnya untuk melaksanakan konsep Falsafah Pendidikan


Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) untuk membentuk modal insan pelajar yang cemerlang. Menyahut cabaran kedua-dua falsafah pendidikan tersebut guru juga diharapkan dapat menjalankan amanah mereka.

1.8.6 Pelajar

Hasil dapatan kajian ini juga diharapkan memberi bimbingan kepada pelajar dalam pembentukan emosi yang seimbang. Pelajar juga dapat diberikan penekanan yang bersungguh-sungguh terhadap pelaksanaan solat fardu lima waktu kepada pelajar. Selain itu juga program ini memberi kesedaran kepada pelajar tentang kewajipan solat tersebut dan perkaitannya dengan kehidupan mereka seharian.

1.9 KERANGKA TEORI KAJIAN

Kerangka teori kajian ini adalah membahaskan berkenaan teori yang digunakan dalam keseluruhan kajian ini seperti yang digambarkan melalui Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Kerangka Teori Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori kajian yang menunjukkan perkaitan tahap pelaksanaan solat yang diadaptasi daripada Unit Dakwah, Sektor Pendidikan Islam JPNJ (2009). Grafik yang menunjukkan tahap pelaksanaan solat fardu merupakan kajian Unit Dakwah, Sektor Pendidikan Islam JPNJ menilai secara terperinci dan menyeluruh masalah yang melibatkan tahap pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar Islam Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di sekolah-sekolah menengah harian di negeri Johor. Mana kala grafik tahap kecerdasan emosi berdasarkan Model Kecerdasan Emosi (Mayer, 1997) yang mempunyai empat konstruk, iaitu:

1. Penilaian emosi sendiri dan orang lain:

Kemampuan mengenal pasti emosi diri sendiri dan emosi orang lain sama ada dalam bentuk bukan secara verbal atau ekspresi wajah.

2. Ekspresi Emosi:

Kebolehan untuk mengenal pasti emosi positif dan mengekalkannya untuk jangka masa yang lama

3. Pengaturan Emosi Kendiri dan Orang Lain:

Memperlihatkan emosi positif diri, berkongsi emosi sendiri dengan orang lain dan mempengaruhi emosi orang lain.

4. Penggunaan Emosi dalam Penyelesaian Masalah:


Menggunakan emosi untuk melihat sesuatu dari perspektif baru dan menyelesaikan masalah.

Perkaitan kedua-dua grafik tersebut meninjau kolerasi antara kajian Unit Dakwah, Sektor Pendidikan Islam JPNJ (2009) tentang tahap pelaksanaan solat pelajar dan tahap kecerdasan emosi berdasarkan Model Kecerdasan Emosi (Mayer, 1997) bagi menyokong kajian pengkaji.

1.10 KERANGKA KONSEP KAJIAN

Kerangka konsep kajian ini memberi gambaran secara keseluruhannya tentang perkaitan antara beberapa pemboleh ubah yang digunakan dalam keseluruhan kajian ini seperti yang digambarkan melalui Rajah 1.2.

Berdasarkan Rajah 1.2 di atas menunjukkan secara grafik kerangka teori kajian menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan solat meliputi pemboleh ubah tidak bersandar yang dihubungkan dengan maklumat latar belakang responden yang dipilih mengikut jantina, tahap sosio ekonomi, turutan adik beradik, ayat-ayat al-Quran yang lazim dibaca dalam solat, dan lokasi sekolah. Kajian kuantitatif terhadap tahap pelaksanaan solat responden dijalankan untuk mendapatkan hasil data respon responden tersebut. Tahap kecerdasan emosi sebagai pemboleh ubah bersandar ditinjau daripada empat konstruk, penilaian emosi sendiri atau orang lain, ekspresi emosi, pengaturan emosi sendiri dan orang lain, dan penggunaan emosi dalam penyelesaian masalah. Seterusnya kajian dijalankan dengan mengenal pasti perbezaan antara tahap pelaksanaan solat responden dengan mengikut jantina, tahap sosio ekonomi, turutan adik beradik, ayat-ayat al-Quran yang lazim dibaca dalam solat, dan lokasi sekolah. Kajian seterusnya dengan mengenal pasti perbezaan tahap kecerdasan emosi mengikut jantina, tahap sosio ekonomi, turutan adik beradik, ayat-ayat al-Quran yang lazim dibaca dalam solat, dan lokasi sekolah. Proses terakhir ialah mengenal pasti perkaitan tahap pelaksanaan solat fardu dengan tahap kecerdasan emosi mengikut empat konstruk iaitu, penilaian emosi sendiri atau orang lain, ekspresi emosi, pengaturan emosi sendiri, dan orang lain, dan penggunaan emosi dalam penyelesaian masalah.



Rajah 1.2 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian di atas memberi petunjuk tentang bentuk analisis yang digunakan dalam kajian ini, iaitu analisis secara deskriptif dan inferential. Analisis inferential kajian ini dirangka untuk melihat perbezaan dalam kesan pelaksanaan solat ke atas perkembangan kecerdasan emosi pelajar sekolah menengah berdasarkan beberapa faktor demografi, iaitu jantina, tahap sosio ekonomi keluarga, turutan adik-beradik, dan bacaan ayat al-Quran dalam solat. Analisis ini juga dirangka untuk meninjau perkaitan antara pemboleh ubah tahap pelaksanaan solat dan tahap kecerdasan emosi pelajar.

1.11 DEFINISI OPERASIONAL

Dalam sesebuah kajian, definisi yang jelas terhadap istilah yang digunakan amat diperlukan bagi mengelakkan berlakunya salah faham dan kekeliruan selain membantu pembaca untuk memahami secara terperinci tentang kajian yang ingin dijalankan. Justeru, definisi sebenar bagi istilah yang digunakan turut dinyatakan dalam kajian ini.

1.11.1 Hubungan

Istilah hubungan dalam kajian ini menerangkan hubung kait atau perperkaitan antara pemboleh ubah dan menilai kekuatan dan arah perkaitan antara pemboleh ubah yang diselidik (Blankenship, 2009).

1.11.2 Tahap

Tahap bermaksud mengukur tahap keupayaan seseorang melaksanakan sesuatu perkara mengikut masa yang tertentu (Blankenship, 2009). Dalam kajian ini memfokuskan tentang tahap pelaksanaan solat dan tahap kecerdasan emosi pelajar Tingkatan 1 KAA.

1.11.3 Pelaksanaan Solat Fardu

Solat dari segi bahasa bermaksud berdoa. Ditinjau dari sudut istilah solat bermaksud perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan *takbiratul ihram* dan diakhiri salam dengan syarat yang tertentu. Pelaksanaan solat fardu terdiri daripada lima waktu iaitu Subuh, Zuhor, Asar, Maghrib, dan Isyak yang diwajibkan ke atas orang Islam yang *mukallaf* (Z. A. Rahman, 2012). Dalam kajian ini pelaksanaan solat fardu merangkumi segala perkara yang perlu dalam mencapai kesempurnaan solat fardu.

1.11.4 Kecerdasan Emosi

Dari segi bahasa kecerdasan bermaksud keupayaan seseorang untuk diukur. Manakala, dari sudut istilah kecerdasan bermaksud kemahiran penyelesaian masalah yang termasuk keupayaan mengadaptasi kehidupan dan belajar daripada pengalaman dalam kehidupan seharian. Perkataan emosi yang diambil daripada perkataan Greek '*emovere*' didefinisikan 'jalan untuk keluar'. Dari sudut istilah pula, emosi ini bermaksud suatu perasaan dan pemikiran tersendiri yang terlintas dalam hati di bawah keadaan psikologikal dan biologikal serta mempunyai kecenderungan yang berbeza-beza untuk bertindak. Dalam kajian ini Kecerdasan Emosi merujuk kepada Penilaian Emosi Kendiri Atau Orang Lain, Ekspresi Emosi, Pengaturan Emosi Kendiri Dan Orang Lain dan Penggunaan Emosi Dalam Penyelesaian Masalah (Goleman, 1995).

1.11.6 Pelajar

Pelajar adalah kelompok murid yang datang ke sekolah dan mendapat pendidikan di sekolah (KPM, 1988). Dalam `kajian ini memfokuskan pelajar sekolah menengah rendah kelas aliran agama (KAA) di daerah Johor Bahru yang terdiri pelajar yang terpilih dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 KAA.

1.12 PENUTUP

Bab ini membincangkan pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, kepentingan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, kerangka teori kajian, kerangka konsep kajian, dan definisi operasional kajian. Perbincangan ini memberi gambaran awal aspek penting kajian ini selain memudahkan kefahaman terhadap penggunaan istilah yang terdapat dalam kajian ini.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Abu, S. N. (2010). *Pengamalan Solat Fardu dalam kalangan pelajar Politeknik Kuching Sarawak*. . (Master), Universiti Malaya
- Agnoli, S., Mancini, G., Pozzoli, T., Baldaro, B., Russo, P.M., & Surcinelli, P. (2012). The Interaction between Emotional Intelligence and Cognitive Ability in Predicting Scholastic Performance in School-Aged Children. *Child Counselling Journal*, 53(660 - 665).
- Ahmad, A. (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. . (tesis PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Sealangor.
- Ahmad, M. S. H. (2014). *Solat Jamaah: Satu Huraian Menurut Mazhab Syafie*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Imam, A.-S. i. (1980). *Al-Umm Jilid 1 dan 2*. Terj. Prof. TK. H. Ismail Yakub Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qardhawi, Yusof (1975), *Al-ibadah fil Islam*, Beirut, Muassah Ar-Risalah.
- An-Nasa'i, M. N. (1998). *Shahih An-Nasa'i, Maktabah al-Ma'arif, Riyadh, Arab Saudi*, penterjemah Ahmad Yoswaji (2008). Kuala Lumpur: Pustaka Azzam.
- Andrew, D. P. S., Pederson, P.M., & McEvoy, C.D. (2011). *Research Methods and Design in Sport Management*. London: Human Kinetics.
- Arshad, M. (1999). *Solat Fardhu sebagai Wadah Jamaah dan Perpaduan Ummah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- As-Sirri, Abdullah (1996), *Rahsia Kekuatan Mukmin*, Shah Alam, Wadah Ilmu.
- Bar-On, R. (1997). *The Emotional Quotient Inventory (EQ-i)*: . Toronto: Multi Health Systems.
- Bar-On, R. (2000). *Emotional and Social Intelligence: insights from the Emotional Quotient Inventory*. . San Francisco Jossey-Bass.

- Bar-On, R. (2007). *How Important Is It to Educate People to be Emotionally Intelligent, and Can it be Done?* . Johannesburg: Heinemann Publishers (Pty) Ltd.
- Bernadette, K., Róbert, U., Borbála, P., Csóbor, Vargáné, L., Attila, O., & Zsolt, D. (2012). Psychometric Characteristics of the Emotional Quotient Inventory, Youth Version, Short Form, in Hungarian High School Students. *Psychological Assessment, 24*, 518 - 523.
- Blankenship, D. C. (2009). Applied Research and Evaluation Methods in Recreation. *Human Kinetics, 32*(1).
- Block, J. (1995). On the relation between IQ, impulsivity and delinquency. *Abnormal Psychology,, 104*.
- Borg, M. G., Riding, R.J. & Falzon, J.M. (1991). Stress in teaching: a study of occupational stress and its determinants job satisfaction and career commitment among primary school teachers. *Educational Psychology 11*, 59 - 75.
- BPI. (1991). *Bahagian Pendidikan Islam*, . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brief, A. P., Schuler, R.S. dan Sell, M.V. (1981). *Managing Job Stress. Dlm. Rohany Nasir. 2003. Isu Kaunseling dan Perkembangan Kerjaya*. Kuala Lumpur.: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. .
- Brody, L. R., & Hall, J. A. (1993). *Gender and Emotion*. London: Guilford Press.
- C., C., & J., M. ((1976)). “*Occupational source of stress: a review of the literature relating to conorary heart desease and mental ill health*. . Kuala Lumpur.: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. .
- Collins, J. K. H., J.F. (1974). Problems of adolescent in Sydney, Australia, . *Genatic Psychology, 125*, 189 - 194.
- D, G. (1996). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. Bantam: Bantam Books.
- D., G. (1999). *Working with emotional intelligence*. Bantam: Bantam Books.
- Dagang, W. I. W. (2009). *Perkaitan antara Pelaksanaan Ibadat Solat dan Kecerdasan Emosi dengan Tahap penguasaan al-Quran Pelajar : Satu Kajian di Dalam Satu Sekolah Menengah di Daerah Segamat*. (Sarjana Muda), Universiti Teknologi Malaysia.

- Dean, C. R. (2008). *The Relationship between Emotional Intelligent and Academic Achievement: Implications of Birth Order based on Social Rank for Nontraditional Adult Learner*. (PhD), Universiti Capella.
- DeFusco, R. A., McLeavy, D. W., Pinto, J. E., & Runkle, D. E. (2007). *Quantitative Investment Analysis*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- Endut, S. (1995). *Asas-Asas Fardu Ain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Eng, Y. M. d. D. N. L. (2001). Tahap dan peranan kecerdasan emosi (EQ) di kalangan pelajar-pelajar remaja di bangku sekolah. *Psikologi dan Pembangunan Manusia*, 17, 35 - 58.
- et.al, N. H. H. (2004). Pelaksanaan Ibadah Solat Fardhu Di Kalangan Guru Pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang. *Penyelidikan MPBL*, 5.
- Florence. (2007). *Perkaitan Tahap Kecerdasan Emosi dengan Tahap Kepuasan Kerja dan Tahap Komitmen Kerja di Kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Di Bandaraya Kuching, Sarawak*. . (Master), Universiti Teknologi Malaysia.
- Fowler. (2009). *Survey Research Methods*. London: SAGE Publications, Inc.
- Fox, E. (2008). *Emotion Science: An Integration of Cognitive and Neuroscientific Approaches*. . London: Palgrave MacMillan.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad, 1994, *Majmu'ah rasa'il al-Imam al-Ghazali*, Lubnan, Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad (2005), *Ihya' ulum al-din*, Dar al-Taui'wa al-Nasyr al-Islamiah, Kaherah.
- Gardner, H. (1993). *Frames of mind*. . London: William Heiemann Ltd.
- Gardner, H. (2000). *Frames of mind*. London William Heiemann Ltd.
- Ghani, S. R. B. A. (2007). Amalan Solat Di Kalangan Pelajar: Kajian Di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (Ciast).
- Gilligan, C. (1989). *Adolescent Development Reconsidered: Adolescent Social Behavior and Health*. San Francisco: Jussco Bass.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence : Why it can matter more than IQ*. Bantam: Bantam Books.
- Goleman, D. (1998). "What Makes a Leader" (Vol. 76). Havard: Harvard Business Review.
- Hamid, M. A. A. (2004). *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hamidah Sulaiman, Z. I. d. R. Y. (2013). *Kecerdasan Emosi Menurut al-Quran dan Sunnah: Aplikasinya dalam Membentuk Akhlak Remaja*. Paper presented at the Islamic Education, Kuala Lumpur.
- Hansen, K., Lloyd, J. & Stough, C. (2009). *Emotional Intelligence and Clinical Disorders*. (Vol. 25). London: Springer Science+Business Media, LLC.
- Harprit Kaur, V. S., & Parwinder Singh. (2012). Emotional Intelligence: Significance of Psychology and Spirituality. *Social and Clinical Psychology*, 9, 32 - 36.
- Hassan Asadollahfam, A. S., & Floora Mahmood Pashazadeh. (2012). Emotional Intelligence, Gender and Vocabulary. *Procedia- Social and Behavioural Sciences*, 46, 833 - 837.
- Hee, C. (2014). *Problem of adolescence in Malaysia. Dalam proceeding : AsianWorkshop in child & adolescence development*. (Master), University of Indonesia.
- Ibn Sina, t.th, al-Syifa', Kaherah, Matbacah al-Khayriyah.
- Ibn Qayyim, Abu Bakr bin Ayub al-Jawziyah (2008). *Madarij al-Salikin*. Terj. Arifin Ladari, Berlian Publication, Puchong.
- Ibn Taimiyah, Ahmad (t.th.), Amradh al-qulub wa syifa'uha. Jil. 10, *Majmu'ah fatawa Syeikh al-Islam Ahmad bin Taimiyah*, al-Risalah al-'amah li syu'un al-haramayn al-syarifarn, Saudi.
- Ibrahim, M. N. b. (2013). *Kefahaman dan Penghayatan Amalan Solat Fardu dalam kalangan orang asli Pos Pulat, Gua Musang, Kelantan*. (Master), Universiti Malaya.
- Isa, B. H. M. (2012). http://ww1.utusan.com.my/utusan/dalam_negeri/2012-
- Ishak, N. M. (2004). Inventori Kecerdasan Emosi –Dewasa (IKEM-D). *Jurnal Kaunseling*, 32(2).
- Ishak, N. M., Mahmud, Z., Arifin, S. R., & Ali, M. M. (2003). Perkaitan antara Tanggungjawab Kepada Diri, Pelajaran, Pelajar dan Masyarakat di Kalangan Guru-guru. *Jurnal Kaunseling*, 21(3).
- Ismail, H. (2010). *Pengamalan Solat Fardu di kalangan Mahasiswa di TATi University College (TATiUC) Kemaman Terengganu*. (Master), Universiti Malaya.
- Ismail, M. A. P. M. L. M. (2006). Keberkesanan Kursus Pendidikan Islam Dalam Kalangan Pelajar JKA, JKE Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah Dari Aspek Penghayatan Solat Fardu. *Jurnal Pengajian Islam*, 21(2).

- Jafar Shabani, S. A. H., Aminah Ahmad & Maznah Baba. (2010). Age as Moderated Influence on the Link of Spiritual and Emotional Intelligence with Mental Health in High School Students. *American Science*, 6(1), 394 - 400.
- James, H. (2010). *The Essentials of Statistics: A Tool for Social Research*. Wadsworth Cengage Learning.
- James, S. (2010). *Higher Education: Handbook of Research and Theory* (Vol. 25). Kuala Lumpur: Mc Grewhill.
- Jusoh, M. S. B. M. (2001). *Pengabaian Solat di Kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Daerah Pasir Puteh Kelantan*. (Master), Universiti Malaya.
- Kee, T. H. (1996). Tekanan kerja di kalangan guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dalam daerah Gombak. *Jurnal Kemanusiaan*, 2(5).
- Kent, P. (2009). *Introduction to Research Methods in Education*. London: SAGE Publications, Inc.
- KPM (1988), *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*, Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- KPM. (1988). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Kindi, Abu Yusuf Yacqub ibn Ishaq, 1980, *Risalah al-hilah li dafi al-ahzan*, dlm. Abd. al-Rahman Badawi (pnyt.). *Rasa'il falsafiyah*. Bayrut, Dar Andalus.
- Krejcie, R. V. d. M., D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30, 607 - 610.
- Kumar, R. (2011). *Research Methodology: A Step-by-step Guide for Beginners*. London: SAGE Publications, Inc.
- Lewis, M. D., Haviland-Jones, J.M. & Barrett, L.F. (2010). *Handbook of Emotions*. London: SAGE.
- Macklem, G. L. (2008). *Practitioner's Guide to Emotion Regulation in School-Aged Children*. London: Springer Science+Business Media, LLC.
- Mahmud, A. H. (1981). *Isra' dan Mi'raj: Satu Analisa Baru*. Singapura: Terbitan Pustaka National Singapura. .
- Marican, S. (2009). *Pendidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mashur., M. (1987). *Al-Hayati Mihrabis Solat*. Mesir: Wa An Nasrul Islamiyah.

- Matthew, G., Zeidener, M., & Roberts, R.D. (2004). *Emotional Intelligence: Science and Myth*. Massachuset: Massachusets Institute of Technology.
- Mayer, J. D., and Salovey, P. (1997). *What is emotional of emotional intelligence* (Vol. 17). London: Intelligence Corp.
- Mohd Sabri Mamat, S. N. S. H. d. A. H. T. (2009). *Amalan Ibadat Harian dan Sumbangannya kepada Kecerdasan Emosi Remaja* (Vol. 1). Kuala Lumpur: Islamic and Arabic Education.
- Muhammadiyah Ja'far (1982), *Beberapa Aspek Pendidikan Islam*, Surabaya, Penerbit al-Ikhlash.
- Muhammadtaheri, A. J. N. (2011). The Study of Relation Between Emotional Intelligence and Students' Academic Achievement of High Schools in Tehran City. *Procedia-Social and Behavioural Sciences*, 21(1).
- Najati, M. U. (1992). *Psikoterapi menurut al-Quran*. Hj. Abd. Rahman (ptjh). . Selangor: : Human Resource Enterprise. .
- Najaty, Muhammad 'Uthman, al-Sayid, Abd al-Halim Mahmud (2008), *'ilm al-nafs fi al-tarikh al-Islami*, Dar al-Salam, Kaheerah.
- Najib Ahmad Marzuki, C. S. M., Zarina Mat Saad, Suhaini Muda, Suhanim Abdullah, & Wan Bee Che Din. (2012). Emotional Intelligence and Demographic Differences Among Students in Public Universities. *Organizational Psychology and Educational Studies*, 1, 93 - 99.
- Nelson, D. L., G. (2003). *intelligence: Achieving academic and career excellence*. London: SAGE.
- Newman, B. M. N., P.R. (2008). *Development Through Life: A Psychosocial Approach*. London: Cengage Learning.
- Pagedar, S., & Sarnath, J. (2008). *A Theory-driven Approach to the Diagnosis and Remediation of Learning Problems in Childrren*. . London: SAGE Publications, Inc.
- Paler-Calmorin, L. C., M. . (2007). *Research Methods and Thesis Writing*. . Philipine: Rex Book Store, Inc.
- Pekrun, R. (2009). *Emotions at School*. . London: SAGE.
- Pekrun, R. L.-G. (2012). Academic Emotion and Students Engagement. . *Springer Science+Business Media, LLC*, 32(1).
- Piaw, C. Y. (2009). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Buku*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

- Piaw., C. Y. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- PPPM. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Qardhawi., Y. a.-. (2001). *Roh Ibadah Hakikat dan Hikmahnya*. Kuala Lumpur Penerbit Jasmin Enterprise.
- Rahman, M. A. (1989). *Hadith 40 Terjemahan Dan Syarahannya*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Rahman, N. A. (2012). Kepentingan Penguasaan Kecerdasan Emosi (EQ) Pelajar Luar Bandar: Harapan Dan Cabaran Dalam Pembentukan Modal Insan Berjiwa Kelas Pertama. . *International Conference on Human Capital Development*, 25(1), 1 - 12.
- Rahman, Z. A. (2012). *Panduan Lengkap Formula Solat Sempurna*. Selangor: Terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Roger, S. (2013). *Human Intelligence*. (Vol. 1). Britain: <http://www.britannica.com.ezproxy.psz.utm.my/EBchecked/topic/289766/human-intelligence>.
- Rokhmah, S. (2012). Perkaitan Antara Kedisiplinan Pelaksanaan Shalat Tahajjud dengan Kecerdasan Emosional (EQ) Santri di Pondok Pesantren Putri Al-Hikmah Tugurejo Tugu Semarang. *Jurnal Kaunseling*, 14(3).
- Rooy, D. L. V. V., C. (2007). *Assessing Emotional Intelligence in Adult: A Review of the Most Popular Measure*. Dalam Bar-On, R., Marea, J.G., & Ellias, M.J. *Educating People to be Emotionally Intelligent*. Johannesburg: Heinemann Publishers (Pty) Ltd.
- Salovey, P. e. (1997). *Emotional Development & Emotional Intelligent*. London: SAGE.
- Schutte, Malouf, J. M., & Bhullar, N. (2009). The Assessing Emotions Scale. . *Assessing Emotional Intelligence: Theory, Research and Applications*., 23(3).
- Schutte, N. S., Malouff, J.M., Hall, L.E., Haggerty, D.J., Cooper, J.T., Golden, C.J. & Dornheim, L. (1998). Development and validation of a measure of emotionalintelligence. . *Personality and Individual Differences*, 25(2), 167 - 177.
- Shahabuddin Hashim, M. R. R. J. (2006). *Psikologi Pendidikan*. . Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Shiota, M. N. K., J.W. (2011). *Emotion*. London: SAGE.
- Simmons, C. A. L., P. (2013). *Tools for Strengths-based Assessment and Evaluation*. London: SAGE.
- Siti Aishah Hassan, J. S., Aminah Ahmad & Maznah Baba. (2011). Moderating Influence of Gender on the Link of Spiritual and Emotional Intelligences with Mental Health among Adolescents. *Life Science*, 8, 106 - 112.
- Song, L. J., Guo-hua., H., Law, P., Chi-Sum, W., & Zhijun, C. (2010). The Differential Effects of General Mental Ability and Emotional Intelligence on Academic Performance and Social Interactions. *International Mental Journal*, 38(2), 137 - 143.
- Stickley, W. (2007). Promoting Emotional Development through Using Drama in Mental Health Education. *Health Journal*, 1(45).
- Subramaniam, I. (2012). Emotional intelligence development differences in boys and girls between 4 to 6 years of age. *International Humanities Journal*, 32(2).
- Suhara. (2010). *Nilai-nilai Pendidikan Ibadah Solat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulong, N. B. (2006). Tahap Pengamalan Pelajar Terhadap Tanggungjawab Solat: Satu Kajian Di Kolej 11. *Jurnal Teknologi*, 2(45).
- Sutarso, P. (1999). Gender differences in the emotional intelligence inventory (EQI). *International The Science & Engineering*, 3.
- Syaukani, I. a.-M. a.-A. M. b. A. (2004). *Nail al-Author*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wibisono, G. (2012). Perkaitan Kecerdasan Emosi Dengan Perilaku Keagamaan Remaja Di Dusun Kintelan Lor Desa Candirejo Kecamatan Tuntang Kabupaten Semarang. *Jurnal Kemanusiaan*, 1(23).
- Yaman, J. (2008). *Bimbingan Penghayatan dan Kesempurnaan Solat Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.